

CPSP: Industri perlu sokong

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu lebih banyak sektor industri menyokong dan menyertai kumpulan Rakan Kongsi Sektor Swasta (CPSP) bagi mengembelngkan segala manfaat dan potensi yang ada.

Perdana Menteri berkata, setakat ini hanya dua kumpulan industri tempatan menyertai CPSP iaitu Sapura Holdings dan YTL Corporation Sdn Bhd.

"Jumlah itu masih kecil. Penyertaan lebih banyak pihak industri diperlukan bagi menjalankan penyelidikan, khususnya mengenali pasti perusahaan dan perniagaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan mesyuarat pertama Kumpulan Pemandu Industri (ISG) dan pelancaran Kumpulan Perundingan Komanwel mengenai Pengurusan Teknologi (CCGTM) dan Rakan Kongsi Sektor Swasta (CPSP) serta Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia mengenai Teknologi Tinggi (MIGHT), di sini hari ini.

Terdahulu, dalam ucapannya Perdana Menteri meminta MIGHT bekerjasama rapat dengan CCGTM dan CPSP dalam membentuk agenda bertindak bagi persaingan industri di negara ini.

Dr Mahathir juga menyarankan CCGTM membentuk formula baru sepanjang tahun ini bagi membiayai dan mengendalikan CPSP.

"Ia membabitkan perubahan daripada pembiayaan pelbagai hala tradisional ke arah pembiayaan kerjasama pertumbuhan kerajaan, syarikat,

anggota CCGTM dan rakan kongsi lain," katanya.

Menurutnya, CCGTM yang pembentukannya diilhamkan di Sidang Kemuncak Ketua Negara-Negara Komanwel (CHOGM) di Kuala Lumpur pada 1989 harus berfungsi bagi memajukan perkembangan teknologi negara.

Beliau berkata, CCGTM mampu mempercepatkan interaksi di antara sektor awam dan swasta dalam pengurusan teknologi bagi mempercepatkan pertumbuhan.

"Saya berpuas hati dengan kejayaan CCGTM yang mengambil usaha dalam mendapatkan sokongan sektor swasta di

kalangan negara Komanwel dan peringkat antarabangsa dalam membentuk forum CCGTM dan CPSP," katanya.

Mengenai MIGHT pula, Dr Mahathir berkata badan itu boleh membantu mengukuhkan kerjasama kepakaran yang diperlukan dalam syarikat.

Menurutnya, selaras de-

ngan konsep Persyarikatan Malaysia, kerajaan menubuhkan Majlis Perdagangan Malaysia (MPM) bagi membolehkan perundingan yang lebih bermakna diwujudkan di kalangan penggubal dasar, kakitangan kerajaan, pemimpin korporat dan ahli politik.